

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JTW 111 – Prinsip Perakaunan Kewangan**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEPULUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B. Jawapan Bahagian A hendaklah ditandakan dalam borang OMR dengan menggunakan pensil 2B dan dihantar berasingan daripada buku jawapan.

Pastikan anda isikan nombor angka giliran anda dengan betul dalam petak yang disediakan mulai daripada petak pertama DAN hitamkan ruang-ruang berkenaan dalam borang OMR yang telah disediakan DENGAN menggunakan PENSIL 2B.

Jangan KEPIL, LIPAT atau TEBUK borang OMR.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan ini.

## **BAHAGIAN A (WAJIB)**

## **SOALAN 1**



15. Pada 1 Mac, 2000, Syarikat Cemerlang mempunyai baki akaun belum bayar awal sebanyak RM 30,000. Pada bulan Mac, syarikat ini merekodkan debit sebanyak RM 52,000 dan kredit sebanyak RM 47,000 kepada akaun belum bayar. Baki akaun belum bayar akhir pada 31 Januari akan mempunyai
- baki debit sebanyak RM 35,000
  - baki kredit sebanyak RM 35,000
  - baki debit sebanyak RM 25,000
  - baki kredit sebanyak RM 25,000
16. Urusniaga yang mana berikut tidak akan membawa perubahan ke atas persamaan Perakaunan?
- Bayar hutang kepada pembiutang
  - Pengutipan akaun belum terima
  - Jualan kepada pelanggan secara tunai
  - Belian daripada pembekal
17. Hasil yang diperolehi sebelum ia diiktiraf dipanggil sebagai
- hasil terakru
  - hasil yang belum dicatat
  - Aset yang diperuntuk ke beberapa tempoh
  - Hasil yang diagih ke beberapa tempoh
18. Belanja yang telah berlaku tetapi belum dibayar ialah
- liabiliti prabayar
  - belanja prabayar
  - belanja ditangguh
  - liabiliti yang belum dicatat
19. Catatan pelarasian bagi liabiliti yang belum dicatat biasanya adalah
- kredit kepada akaun belanja
  - debit kepada akaun belanja
  - debit kepada akaun aset prabayar
  - kredit kepada akaun hasil

20. Pada 1 Oktober 2002, Syarikat ABC menerima tunai sebanyak RM 14,000 untuk suatu tugas yang hanya akan siap pada 1 Mac 2003. Pada tarikh penerimaan tunai tersebut Syarikat ABC mengkreditkan sebuah akaun hasil dan mendebitkan akaun tunai. Jika Syarikat ABC gagal membuat catatan pelarasan pada 31 Disember, 2002, kesannya ialah
- terkurang nyata (understatement) hasil dan terlebih nyata (overstatement) aset
  - terkurang nyata hasil dan terlebih nyata liabiliti
  - terlebih nyata hasil dan liabiliti
  - terlebih nyata hasil dan terkurang nyata liabiliti

(20 markah)

**BAHAGIAN B (WAJIB)**

2. Pada April 1, 2002, Jim seorang peguam, menukuhan syarikat guamannya yang bernama Pejabat Guaman Jim. Syarikat ini menyelaras akaunnya pada setiap hujung bulan. Imbangan Duga berikut telah disediakan pada April 30 2002, iaitu bulan selepas perniagaan dijalankan.

<b>Pejabat Guaman Jim Imbangan Duga April 30, 2002</b>		
	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Tunai		10,060
Insurans Prabayar	3,000	
Sewa Pejabat Prabayar	4,800	
Bekalan Pejabat	1,460	
Peralatan Pejabat	26,400	
Nota Belum Bayar		16,000
Yuran Belum Diperolehi		16,020
Modal, Jim		20,000
Ambilan, Jim	4,000	
Hasil Yuran Guaman		1,580
Belanja Gaji	2,680	
Belanja Am	1,200	
	<u>53,600</u>	<u>53,600</u>

**Maklumat tambahan:**

- (a) Faedah belum dibayar lagi ke atas nota belum bayar. Faedah terakru pada 30hb April berjumlah RM 180.
- (b) Sepanjang bulan April, sebanyak RM 7,700 daripada jumlah deposit yang telah dibayar oleh pelanggan, telah diberi perkhidmatan guaman.
- (c) Bil tidak dihantar kepada sebahagian daripada pelanggan sehinggalah semua perkhidmatan guaman telah diberikan kepada mereka. Pada 30hb April, perkhidmatan yang berharga RM 4,780 telah diberikan kepada pelanggan tetapi belum lagi dicatatkan dalam rekod perakaunan.
- (d) Satu polisi insurans telah dibeli pada 1hb April. Premium sebanyak RM 3,000 telah dibayar untuk perlindungan selama 6 bulan.
- (e) Syarikat ini telah menyewa sebuah pejabat pada kadar sewa sebanyak RM 1,600 sebulan. Sewa selama 3 bulan telah dibayar dan nilai ini dimasukkan di dalam Akaun Sewa Pejabat Prabayar.
- (f) Pada 30hb. April, bekalan pejabat yang masih ada berjumlah sebanyak RM 1,100.
- (g) Peralatan pejabat yang dibeli pada 1hb April telah disusutnilaikan dengan menggunakan kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia guna selama sepuluh tahun.

**Anda perlu:**

- (i) Sediakan segala pelarasan yang perlu dibuat pada 30hb April.  
(4 markah)
- (ii) Sediakan penyata pendapatan bagi bulan berakhir pada 30hb April 2002.  
(6 markah)

3. Syarikat Cemerlang menggunakan system inventori berkala untuk menilai inventori syarikat. Inventori awal bagi produk T12 pada 1hb Januari dan belian yang telah dibuat oleh syarikat pada tahun semasa adalah seperti berikut:

Januari	1	Inventori awal	900 unit @ RM 10.00	RM	9,000
Februari	23	Belian	1,200 unit @ RM 11.00		13,200
April	20	Belian	3,000 unit @ RM 11.20		33,600
Mei	4	Belian	4,000 unit @ RM 11.60		46,400
November	23	Belian	900 unit @ RM 13.00		11,700
		Jumlah	<u>10,000</u> unit		<u>RM 113,900</u>

Pengiraan inventori secara fizikal mendapati bahawa sebanyak 1,600 unit T12 masih terdapat di dalam inventori pada akhir tahun.

Kira nilai bagi *kos inventori akhir* dan *kos barang dijual* berdasarkan cara penilaian inventori berikut:

- (a) Kos Purata (5 markah)
- (b) MDKD (Masuk dulu, keluar dulu) (5 markah)
- (c) MKKD (Masuk kemudian, keluar dulu) (5 markah)

Cara yang manakah (seperti yang disebutkan di atas) akan memberi penilaian inventori akhir yang sama di bawah sistem inventori berterusan dan sistem inventori berkala? Jelaskan.

(5 markah)

4. Maklumat berikut dipetik daripada laporan tahunan terbaru Syarikat Unggul (jumlah Ringgit dinyatakan dalam juta):

	2002	2001
	RM	RM
<b>Data kunci kira-kira:</b>		
Aset cepat	574	497
Aset semasa	866	649
Liabiliti semasa	525	349
Ekuiti pemegang saham (purata)	466	350
Jumlah aset	950	950
<b>Data penyata pendapatan:</b>		
Jualan bersih	3,676	2,701
Untung kasar	616	358
Untung operasi	249	141
Untung bersih	173	96

Semasa tahun 2002, syarikat tersebut menggunakan sebahagian besar dananya untuk membiayai perkembangan harta, logi dan peralatan untuk syarikat.

- (a) Kirakan nisbah berikut bagi tahun 2002 dan 2001. (Bulatkan jawapan hingga satu tempat perpuluhan)
- (i) Modal kerja
  - (ii) Nisbah semasa
  - (iii) Nisbah cepat
- (6 markah)
- (b) Ulaskan tentang kedudukan kecairan syarikat. Nyatakan sama ada syarikat Unggul berkemampuan untuk membuat bayaran balik pada akhir tahun 2002.
- (3 markah)

- (c) Kirakan nisbah berikut bagi tahun 2002 dan 2001. (bulatkan jawapan hingga satu tempat perpuluhan)
- (i) Margin untung kasar
  - (ii) Margin untung bersih
  - (iii) Pulangan ke atas aset
  - (iv) Pulangan ke atas ekuiti pemegang saham
- (8 markah)
- (d) Ulaskan tentang ukuran keberuntungan syarikat yang telah dikira dalam bahagian c (iii).
- (3 markah)
5. Alice dan Salma ialah rakan kongsi bagi sebuah perniagaan yang menjual bahan-bahan pembinaan. Alice dan Salma akan mengagihkan keuntungan mereka mengikut nisbah 3:1. Imbangan duga berikut menunjukkan kedudukan bagi firma pada 31hb Disember 2002.
- |                               | RM            | RM            |
|-------------------------------|---------------|---------------|
| Tunai                         | 17,800        |               |
| Susutnilai Terkumpul: Perabot |               | 2,000         |
| Perabot                       | 12,000        |               |
| Bangunan                      | 20,000        |               |
| Belanja Gaji                  | 2,000         |               |
| Belanja Sewa                  | 1,000         |               |
| Belanja Pengiklanan           | 500           |               |
| Jualan                        |               | 41,300        |
| Akaun Modal                   |               |               |
| Alice                         |               | 20,000        |
| Salma                         |               | 10,000        |
| Akaun Semasa                  |               |               |
| Alice                         |               | 5,000         |
| Salma                         |               | 2,000         |
| Ambilan                       |               |               |
| Alice                         | 10,000        |               |
| Salma                         | 9,000         |               |
| Inventori                     | 1,500         |               |
| Akaun Belum Terima            | 12,500        |               |
| Akaun Belum Bayar             |               | 6,000         |
|                               | <u>86,300</u> | <u>86,300</u> |

**Maklumat tambahan:**

- (a) Salma menerima gaji sebanyak RM 6,000 setahun. Tiada faedah dikenakan ke atas ambilan yang telah dibuat oleh Alice dan Salma.
- (b) Faedah sebanyak 10% diberikan ke atas ‘modal pekongsi’.
- (c) Perabot disusutnilaikan pada kadar 10% setahun.
- (d) Pekerja yang telah menjalankan tugas mereka tetapi masih belum menerima gaji sebanyak RM 2,000.

**Anda perlu:**

- (i) Sediakan Penyata Pendapatan dan Akaun Agihan Untung dan Rugi bagi tahun berakhir pada 31hb Disember 2002.  
(8 markah)
- (ii) Sediakan Akaun Semasa bagi tahun berakhir pada 31hb Disember 2002.  
(6 markah)
- (iii) Sediakan Kunci Kira-kira perkongsian pada 31hb Disember 2002.  
(6 markah)